



2025- Majlis Penutup Program Techno Week anjuran pelajar Kelab BPA Tech Buddies telah pun selesai dengan jayanya. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh Dekan Fakulti, Prof. Madya Dr. Shafie bin Mohamed Zabri, dan telah dirasmikan oleh Penghulu Simpang Renggam, Encik Ahmad Farhan bin Abu Bahar, yang juga merupakan wakil kepada YB Simpang Renggam, penaja utama program pelajar kali ini

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pensyarah yang telah memberi kerjasama, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung, dalam menjayakan program ini. Melalui penganjuran program ini, pelajar telah berpeluang untuk membangunkan dan mengasah kemahiran insaniah (soft skills) serta kemahiran pemasaran dalam bidang teknologi.

Telah berlangsung juga dalam program techno week, sesi perkongsian ilmu slot pagi yang bertajuk Pemasaran Digital yang disampaikan oleh Dr. Mohd Yussni bin Hashim, pensyarah dari FKMP.

Sesi ini disampaikan dalam suasana yang santai, ceria dan penuh manfaat, memberikan pendedahan yang berguna kepada pelajar mengenai dunia pemasaran digital.

